PENGALAMAN BARU... peserta bergambar kenangan di pintu masuk Gua Wang Burma.

UUM/DD49/HM/18-9-2005/P: 48 (1)

nyak hidupan di dalamnya," katanya.

Beliau berkata, selain melawat gua, mereka mengadakan malam kebudayaan, berbeku dan mengunjungi pusat pameran di taman negeri itu.

Peserta, Mohd Amiruddin Abu, berkata aktiviti seumpama itu menarik kerana ia jarang dianjurkan.

"Saya rasa teruja dengan keindahan batu marmar, sungai dipenuhi ikan dan pelbagai hidupan dalam gua. Ketika lawatan, kami bernasib baik kerana berpeluang melihat sejenis ular putih dikenali sebagai ular laju gua menyusur di sekeliling gua.

"Kelawar memang banyak, terutama di pintu masuk gua. Kami turut melihat katak yang lebih besar daripada saiz biasa.

"Kami difahamkan oleh juru pandu bertauliah, kawasan ini dibolehkan memancing ikan dan jika ingin berbuat demikian, waktu sesuai ialah subuh kerana selepas jam 9 atau 10 pagi ikan sudah tiada," katanya.

Penuntut Fakulti Perakaunan itu berkata, peserta turut diperkenalkan dengan pelbagai jenis hidupan hutan dan herba di taman negeri itu.

"Walaupun tinggal di Sintok, ini kali pertama kami melihat pokok Sintok dengan lebih dekat, selain pokok Kacip Fatimah dan Tongkat Ali," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab, Muhammad Norakmal Ramli, berkata Gua Wang Burma dipilih sebagai lokasi kerana berdekatan dengan UUM dan kosnya lebih murah.

"Gua ini terletak kira-kira 40 kilometer dari UUM dan cuma perlu menyeberang bukit untuk sampai," katanya.

Penuntut Fakulti Perakaunan ini berkata, mereka berpeluang melihat kristal di tepi gua dengan bantuan lampu suluh, tetapi diingatkan supaya tidak mengambil apa-apa barang dalam gua itu.

"Malah, walaupun kagum dengan bentuk stalagtit dan stalagmit dalam gua itu, kami tidak dibenarkan menyentuh kerana tindakan itu akan membantutkan pertumbuhannya.

"Kami diberitahu juru pandu, walaupun nampak cuma dalam jarak sejengkal untuk stalagtit dan stalagmit bercantum, proses itu sebenarnya mengambil masa 10 tahun," katanya.

Gua Wang Burma dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Gua Wang Burma Satu (kawasan kering) dan Gua Wang Burma Dua (kawasan berair).

"Kami terpaksa meredah sungai ketika meneroka gua. Tiba di kawasan sempit, kami terpaksa meniarap untuk meloloskan diri ke bahagian dalam perut gua. Ruang melalui kawasan itu kecil saja dan orang berbadan besar pasti tidak muat," katanya.

SEGAR... peserta menikmati kedinginan air terjun di Taman Negeri Perlis.

DIARI KAMPUS

❑ PROGRAM 'Kampungku' pada 24 September 2005 di Kolej Ke-11, Universiti Putra Malaysia (UPM) dari jam 8 pagi hingga 11 pagi.

❑ MINGGU Aspirasi Seni (MARS) 2005 anjuran Biro Kesenian dan Kebudayaan, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej (JPPK) Kolej Kediaman EON pada 16 hingga 20 September 2005, jam 8.30 malam hingga 11.30 malam.

❑ SEMINAR Masyarakat Majmuk di Dewan Kuliah Fakulti Perakaunan Menara Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Menara SAAS) pada jam 8 pagi.

❑ EKSPO Konvokesyen ke-29, Sidang Kedua di Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 24 hingga 27 September 2005, jam 10 pagi hingga 10 malam.

Page 2 of 2